
“GURU PEMBINA NEGARA BANGSA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَ أَوْصِيكُمْ وَآيَاتِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredhai oleh Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Khutbah khas hari ini bersempena dengan Sambutan Hari Guru pada 16 Mei setiap tahun dengan bertemakan “Guru Pembina Negara Bangsa”. Guru merupakan insan mulia yang gigih dan tabah menyalakan obor keikhlasan untuk menerangi dunia pendidikan sejagat. Namun hari ini, tindakan guru sering disalah tafsir oleh masyarakat dan direndahkan martabatnya hanya kerana menjalankan

tanggungjawab sebagai seorang pendidik. Seharusnya, isu ini dinilai dari sudut kemanusiaan secara menyeluruh, dan tidak bertindak secara melulu menyalahkan guru. Pernahkah kita mendengar tentang pelajar mengasari guru? Pelajar ‘Kung Fu’ guru? Bagaimana pula sudut pandang kita apabila ada ibu bapa yang menyerang guru kerana anaknya telah dirotan, akibat sikap anaknya sendiri?

Adalah tidak adil untuk menghukum guru hanya dengan beberapa isu yang boleh diselesaikan. Hakikatnya, ini adalah tanggungjawab kita bersama bagi memastikan amanah yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu wa-Taala tidak dikhianati. Sesungguhnya anak dan pelajar merupakan ujian buat penjaganya. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam Surah al-Anfal ayat 27 dan 28 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

وَأَعْلَمُوا أَنَّ مَا أَمْوَالِكُمْ وَأَوْلَادِكُمْ فَتَنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٢٨﴾

Yang bermaksud: Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya). Dan ketahuilah, bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Imam Ghazali dalam kitab ‘Ihya Ulumuddin memetik nasihat Lukman Al-Hakim kepada anaknya supaya menghormati guru, katanya: “Wahai anakku,

pergautilah para guru dan rapatilah mereka dengan kedua lututmu, kerana Allah Taala menghidupkan hati dengan nur (cahaya) hikmah, sebagaimana Allah menghidupkan bumi dengan hujan dari langit”.

Sesungguhnya, jasa dan pengorbanan guru amat disanjung tinggi oleh agama dan segenap lapisan masyarakat , kerana bakti mereka yang menggunung dalam mendidik anak-anak bangsa menjadi insan berilmu dan berakhlak mulia. Bahkan sejak dahulu lagi, guru berusaha melahirkan generasi berpendidikan bagi membina sebuah negara maju, aman dan makmur.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Mujadalah ayat 11:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

Yang bermaksud: *Supaya Allah meninggikan darjat orang yang beriman di antara kamu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dalam kalangan kamu) - beberapa darjat. dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Dunia pendidikan hari ini dipenuhi dengan pelbagai cabaran untuk seorang yang bergelar guru. Pada abad ini, guru berhadapan dengan pemikiran dan kebolehan murid yang pelbagai. Kini, murid lebih mahir tentang penggunaan pelbagai peralatan elektronik. Dengan itu, guru juga perlu seiring memiliki kebolehan yang sama, bagi memastikan murid menumpukan sepenuh perhatian, dan minat yang mendalam untuk belajar.

Mimbar menyeru para jemaah sekalian, nilailah akan isi hati guru ini.

“Apabila pelajar sakit gurulah doktor dan jururawatnya.”

“Apabila pelajar berkelahi, gurulah pemutus keadilan sebagai peguam dan hakimnya.”

“Apabila pelajar mengadu ada kerosakan fizikal sekolah, gurulah tukangnyanya”.

“Apabila pelajar melaporkan salah laku, gurulah penyiasat dan polisnyanya.”

“Apabila pelajar sedih, gurulah penghibur, pelakon, penyanyi dan pelawak untuknya.”

Inilah hakikat seorang guru yang bukan mengharapkan balasan dan belas ihsan, tetapi cukuplah sekadar memahami tugas dan cabarannya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Peranan dalam membina negara bangsa serta mendidik generasi akan datang, adalah bermula daripada guru. Institusi keluarga yang terdiri daripada ibu bapa, para pendidik, kejiwaan dan masyarakat serta pihak media mesti berperanan dalam menyumbang ke arah pembentukan generasi pemimpin masa hadapan.

Kepentingan amalan pemuafakatan ini turut dinyatakan Allah SWT dalam surah As-Syura ayat 38:

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣٨﴾

Yang bermaksud: *Dan juga bagi orang yang menyahut perintah Tuhan mereka serta mendirikan solat dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka. Mereka juga mendermakan sebahagian daripada apa yang Kami beri kepada mereka;*

Ibu bapa dan komuniti setempat boleh menggunakan saluran Persatuan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK), khususnya dalam membina hubungan yang baik dengan pihak sekolah. Berdasarkan kajian pakar-pakar pendidikan, sekolah perlu mempunyai hubungan yang mantap dan akrab dengan ibu bapa bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjaya dilaksanakan dan kemenjadian murid dapat dihasilkan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Mengakhiri khutbah hari ini, Rasulullah saw bersabda dalam hadis riwayat Imam Ahmad:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يُجَلِّ كَبِيرَنَا وَيَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيَعْرِفَ لِعَالِمِنَا حَقَّهُ

Yang bermakud: Bukan termasuk umatku siapa yang tidak memuliakan orang tua dan mengasihi yang lebih muda dan mengetahui hak-hak orang yang berilmu (guru).

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِي إِلَيْهِمْ
فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٤٣﴾

Yang bermaksud : *dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (Wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. oleh itu Bertanyalah kamu (Wahai golongan musyrik) kepada orang yang berpengetahuan ugama jika kamu tidak mengetahui.*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغُفُوْرُ الرَّحِيْمُ.